



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**MAJLIS PELANCARAN DASAR PERHUTANAN MALAYSIA BERSEMPENA
SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN**

PADA 21 MAC 2021 DI TAMAN BOTANI, FRIM

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin
Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri

Yang Berhormat Datuk Ali Biju
Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli

Yang Berbahagia Datuk Zurinah Pawanteh
Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Yang Berbahagia Dato' Mohd Ridza Awang
Ketua Pengarah
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Yang Berusaha Dr.Khali Aziz Hamzah
Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

Yang Berbahagia Datu Hamden Hj Mohammad
Pengarah
Jabatan Hutan Negeri Sarawak

Yang Berusaha Encik Frederick Kugan
Ketua Konservator Hutan
Jabatan Perhutanan Negeri Sabah

Dif-dif kehormat,

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin di atas kesudian meluangkan masa ke Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia, bersempena dengan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2021. Kehadiran Yang Amat Berhormat menunjukkan keprihatinan dan komitmen pucuk pimpinan tertinggi negara dalam aspek pengurusan khazanah hutan yang tidak ternilai harganya.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri serta dif-dif jempunan yang hadir secara maya dan fizikal ke majlis yang sangat bersejarah pada pagi ini di Taman Botani, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

3. Tanggal 21 Mac setiap tahun telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Hari Hutan Antarabangsa. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa diadakan bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kawasan hutan sebagai satu sumber yang perlu diuruskan secara berkekalan. Hutan merupakan khazanah negara yang penting dalam menjamin kestabilan ekosistem dan amat berkait rapat dengan pembangunan sosioekonomi negara.

4. Litupan kawasan berhutan di Malaysia pada masa ini adalah 55.3 peratus yang meliputi kawasan seluas 18.27 juta hektar daripada keluasan tanah negara. Justeru, keluasan kawasan berhutan ini wajar dipelihara dan dipulihara oleh kita semua. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan terus komited dalam melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dengan memberikan penekanan kepada keseimbangan aspek pemeliharaan serta pemuliharaan hutan dan fungsinya dalam pembangunan sosiekonomi.

Yang Amat Berhormat Tan Sri dan hadirin sekalian,

5. Walaupun negara kini masih bergelut dengan cabaran pandemik Covid-19, namun segala perancangan yang telah disusun atur oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli masih tetap diteruskan dan antara pencapaian yang boleh dibanggakan melibatkan sektor perhutanan adalah kejayaan melancarkan Agenda Penghijauan

Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta Pokok; penanaman 18.75 juta pokok di seluruh negara pada tahun 2020; pencalonan Bukit Bendera, Pulau Pinang sebagai tapak rizab biosfera di bawah Program *Man and the Biosphere* (MAB), UNESCO; pencalonan Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai *ASEAN Heritage Park* ke-4 di Malaysia; penghantaran pulang 9 ekor Orang Utan ke Indonesia; dan penetapan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) untuk negeri-negeri bagi tempoh 2021 hingga 2025.

6. Satu lagi kejayaan yang bersejarah adalah semasa Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-78 pada 29 Januari 2021, sebuah dasar perhutanan di peringkat Persekutuan iaitu Dasar Perhutanan Malaysia telah dipersetujui oleh semua Kerajaan Negeri. Dasar ini telah melalui proses rundingan antara 3 wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak tahun 2016.

7. Selain itu, Majlis Tanah Negara ke-78 juga telah bersetuju dengan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung. Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah, Dasar Hutan Sarawak dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia yang memberikan tumpuan kepada pengukuhan pengurusan hutan secara berkekalan menjadi sebahagian dari Dasar Perhutanan Malaysia.

8. Dasar Perhutanan Malaysia akan menjadi rujukan dan panduan kepada dasar-dasar perhutanan negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Penggubalan Dasar Perhutanan Malaysia merupakan manifestasi komitmen negara dalam melaksanakan pengurusan hutan secara berkekalan yang merupakan agenda utama di dalam negara dan juga prinsip yang dipegang di peringkat antarabangsa.

Yang Amat Berhormat Tan Sri dan sidang hadirin sekalian,

9. Sejak Sidang Kemuncak Rio pada tahun 1992, Malaysia sangat komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Sebagai negara *megadiverse*, Malaysia tidak terlepas daripada menghadapi cabaran dalam pengurusan perhutanan dan

biodiversiti, terutamanya masalah kepupusan spesies, kegiatan pemburuan haram, pembalakan haram dan kekurangan sumber untuk mengurus hutan dan biodiversiti.

10. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab untuk pengurusan sumber asli, saya ingin memberi jaminan bahawa pelbagai inisiatif dan program mengenai pemuliharaan hutan dan biodiversiti akan terus dipergiat, diperbaiki dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Bagi sektor perhutanan, tumpuan khusus akan diberikan kepada Agenda Nasional Penghijauan Malaysia bagi meningkatkan pemuliharaan hutan menerusi aktiviti penanaman pokok, rehabilitasi dan restorasi kawasan hutan terosot dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Yang Amat Berhormat Tan Sri dan sidang hadirin sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana sudi melapangkan masa bagi melancarkan Dasar Perhutanan Malaysia bersempena dengan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat kebangsaan 2021 pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kehadiran pemimpin tertinggi peringkat Negeri dalam majlis ini walaupun secara maya namun ia amat bermakna. Saya mendoakan agar kerjasama dan kesefahaman yang terjalin di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan terus utuh bagi memastikan khazanah Hutan Kita akan terus diuruskan secara bertanggungjawab dan berkekalan demi kesejahteraan hidup masyarakat generasi hari ini dan masa hadapan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.